

SH 9/01/10 m/s TS

UMT sasar hantar ramai penuntut ke luar negara

RAIHAM MOHD SANUSI

KUALA TERENGGANU – Universiti Malaysia Terengganu (UMT) menyatakan untuk menghantar lebih ramai penuntutnya mengikuti latihan industri di luar negara pada tahun ini membandingkan sasaran untuk menghantar sejumlah penuntutnya mengikuti latihan industri di luar negara pada tahun lalu tidak tercapai.

Naib Canselor UMT, Profesor Dr Aziz Deraman berkata, pada tahun ini pihaknya menyatakan dua penuntut bagi setiap program yang akan me-

ngikuti latihan industri di luar negara.

"Tahun lalu, kita hanya mampu menghantar kira-kira 12 penuntut menjalani latihan industri di universiti luar negara dan ia masih jauh daripada sasaran kita."

"Sehubungan itu, tahun ini kita bersedia lebih awal agar 'target' untuk menghantar dua penuntut menjalani praktikal bagi setiap program dapat direalisasikan," katanya kepada *Sinar Harian*.

Pada masa sama, katanya, UMT juga tidak menyekat penuntut dan pensyarah menyertai seminar yang di-

adakan di seluruh dunia.

"Disember lalu kita juga telah menghantar lima penuntut menjalani 'internship' selama enam bulan di Jepun.

"Kita di peringkat pengurusan tertinggi menyediakan sedikit peruntukan supaya proses pengantara bangsaan dapat dihayati sendiri oleh penuntut dan pensyarah," katanya.

Menurutnya, pada tahun lalu, beberapa pentadbir di bahagian pengurusan UMT turut dihantar menyertai pelbagai program dan seminar di Amerika Syarikat, Australia dan beberapa negara lain.